KEMENTERIAN PENDIDIKAN MALAYSIA
Jabatan Pendidikan Negeri Perak
Jalan Tun Abdul Razak
30640 Ipoh, Perak Darul Ridzuan

Tel : 605 501 5000
Faks : 605 527 7273
Laman Web : http://jpnperak.moe.gov.my

Ruj. Kami : JPNPk.SPK.KOKU600/3/5/2/11 ( 18 )

Tarikh : 28 Syawal 1439H
12 Julai 2018

**Pengarah,**
**Politeknik Seluruh Negeri Perak.**

**Pengarah,**
**Kolej Matrikulasi Perak.**

**Pengarah,**
**Kolej Vokasional Seluruh Negeri Perak.**

**Pengetua,**
**Kolej Tingkatan Enam / Sekolah Menengah,**
**Sekolah Seluruh Negeri Perak.**

**Guru Besar,**
**Sekolah Rendah Seluruh Negeri Perak.**

Tuan,

**JEMPUTAN PENYERTAAN ANUGERAH REKACIPTA DAN INOVASI BELIA ASIA DI EKSPO TEKNOLOGI MALAYSIA 2019**

Sukacita saya merujuk kepada perkara di atas. Surat Sekretariat Pameran PROTEMP *Exhibitions and Conferences* Sdn Bhd (PROTEMP), PECSB/MTE19/11897/18/MAY bertarikh 12 Jun 2018 dan Surat Bahagian Kokurikulum dan Kesenian (BKK), Kementerian Pendidikan Malaysia (KPM), KPM.600.14/1/20 Jld. 20 ( ) bertarikh 8 Mei 2018 adalah berkaitan dan dilampirkan.

2. Dimaklumkan bahawa *Malaysian Association of Research Scientists* (MARS) dan PROTEMP akan menganjurkan program tersebut yang akan diadakan seperti ketetapan berikut:

| | | |
|---|---|---|
| **Tarikh** | : | **21 – 23 Februari 2019** |
| **Tempat** | : | **Pusat Dagangan Dunia Putra, Kuala Lumpur** |

3. Sehubungan dengan itu, sekolah yang berminat menyertai pertandingan tersebut perlu mematuhi semua peraturan yang terkandung dalam pekeliling dan kenyataan media terkini yang sedang berkuatkuasa antaranya:

3.1 **Surat Pekeliling Ikhtisas Bil. 9/2004 - Panduan Penglibatan Murid-murid Sekolah Dalam Program Atau Aktiviti Anjuran Agensi-agensi Selain Daripada Agensi Di Bawah Kementerian Pelajaran Malaysia** berhubung penglibatan murid dalam aktiviti kokurikulum anjuran agensi luar.

3.2 Penglibatan guru adalah tertakluk kepada **Surat Pekeliling Ikhtisas Bil. 8/2016 - Pelaksanaan Kurikulum Sekolah Rendah (Semakan 2017) Secara Berperingkat-peringkat Mulai Tahun 2017** dan **Surat Pekeliling Ikhtisas Bil. 9/2016 - Pelaksanaan Kurikulum Standard Sekolah Menengah Secara Berperingkat-Peringkat Mulai Tahun 2017** berhubung penggunaan masa dan peruntukan waktu pengajaran dan pembelajaran mengikut jam kredit setahun.

4. **Tiada implikasi kewangan terhadap Jabatan Pendidikan Negeri Perak dan Pejabat Pendidikan Daerah.**

5. Maklumat lanjut boleh didapati dari laman sesawang **www.mte.org.my**. Sebarang pertanyaan, hubungi pegawai **MTE, Cik Noran Zamri** di talian **03-6140 6666** / e-mel: **noran@protemgroup.com**

Sekian, terima kasih.

**"BERKHIDMAT UNTUK NEGARA"**
**"PERPADUAN MELALUI KOKURIKULUM"**

Saya yang menurut perintah,

**(HAJI MAT JAAFAR BIN MAT ZAIN, PPT.)**
**Ketua Sektor,**
**Sektor Pembangunan Kemanusiaan,**
**b.p. Pengarah Pendidikan Negeri Perak.**

s.k.
1. Pengarah Pendidikan Negeri Perak
2. Pegawai Pendidikan Daerah Seluruh Negeri Perak
3. Pengerusi Bersama Sekretariat PROTEMP *Exhibitions and Conferences* Sdn Bhd

KEMENTERIAN PENDIDIKAN MALAYSIA
Bahagian Kokurikulum dan Kesenian
Aras 3, Blok E9, Kompleks E
Pusat Pentadbiran Kerajaan Persekutuan
62604 PUTRAJAYA

Tel. :03 88721610
Faks :03 88721608
Laman Web :www.moe.gov.my

Rujukan Kami : KPM.600.14/1/20 Jld. 20( )
Tarikh : 8 Mei 2018
22 Syaaban 1439 H

Encik Ronald Chiew
Pengerusi Bersama
Malaysia Technology Expo 2019
Protemp Exhibitions and Conferences Sdn. Bhd.
38-3, (2nd Floor) Jalan PJU 5/9, Dataran Sunway
Kota Damansara
47810 Petaling Jaya, Selangor

Tuan,

**KELULUSAN BAGI SEKOLAH-SEKOLAH UNTUK MENYERTAI ANUGERAH INOVASI BELIA ASIA 2019 DI EKSPO TEKNOLOGI MALAYSIA 2019, PADA 21 – 23 FEBRUARI 2019, DI PUSAT DAGANGAN DUNIA PUTRA, KUALA LUMPUR**

Dengan hormatnya perkara di atas dirujuk.

2. Sukacita dimaklumkan bahawa Kementerian Pendidikan Malaysia (KPM) amat berbesar hati dan sentiasa mengalu-alukan kerjasama dan perkongsian pintar bersama pihak agensi luar dalam usaha pembangunan pendidikan murid-murid negara ini.

3. Oleh itu, KPM tiada halangan menyokong penerusan penganjuran Anugerah Inovasi Belia Asia 2019 Di Ekspo Teknologi Malaysia 2019 seperti yang dipohon oleh pihak tuan. Program berkenaan dipercayai akan menggalakkan reka cipta, inovasi, penyelidikan dan pembangunan reka bentuk produk di samping menambah minat murid dalam bidang sains, teknologi, kejuruteraan dan matematik.

4. Penganjuran Anugerah Inovasi Belia Asia 2019, walau bagaimanapun, adalah tertakluk di bawah Surat Pekeliling Ikhtisas Bil. 9/2004 – Ruj. KP(BS)8691/Jld.XVIII(9) bertarikh 16 September 2004 – Panduan Penglibatan Murid-Murid Sekolah Dalam Program Atau Aktiviti Anjuran Agensi-Agensi Selain Daripada Agensi Di Bawah Kementerian Pelajaran Malaysia. Justeru, pihak tuan hendaklah mengambil maklum dan mematuhi peraturan-peraturan berikut:

i. program yang dilaksanakan hendaklah tidak bertentangan dengan semua dasar kerajaan dan dasar KPM;

1Malaysia

4.4 setiap murid perlu mendapatkan kebenaran ibu bapa melalui Pengetua dan Guru Besar masing-masing;
4.5 pihak penganjur diminta mengadakan langkah berjaga-jaga demi keselamatan dan kebajikan murid-murid sewaktu program berlangsung;
4.6 tempat yang dipilih untuk mengadakan program telah dikenalpasti selamat dan bersesuaian dengan program
4.7 bagi aktiviti yang melibatkan air, pihak penganjur hendaklah memastikan penyelamat kelemasan bertauliah ada bersama-sama dengan peserta program;
4.8 guru-guru pengiring hendaklah dilantik oleh pihak sekolah mengiringi murid-murid ke program atau aktiviti dan
4.9 tiada implikasi kewangan kepada KPM, JPN dan PPD yang terlibat dengan pelaksanaan program yang dijalankan.

5. Selain daripada itu, pihak tuan juga perlu memastikan bahawa **tiada unsur paksaan** kepada pihak sekolah untuk menyertai program ini kerana ianya melibatkan implikasi kewangan. Kementerian Pendidikan Malaysia berhak **menarik balik** surat kelulusan sekiranya pihak tuan gagal mematuhi syarat dan peraturan yang ditetapkan atau bercanggah dengan dasar sedia ada yang sedang berkuatkuasa.

6. Pihak tuan juga adalah diminta untuk mengemukakan laporan program kepada Bahagian ini dua minggu setelah program selesai untuk tujuan rekod dan rujukan. Kelulusan ini hanya untuk tujuan yang dipohon sahaja dan luput selepas **31 Disember 2019**

Sekian.

**"SEHATI SEJIWA"**
**"BERKHIDMAT UNTUK NEGARA"**
**"PERPADUAN MELALUI KOKURIKULUM"**

Saya yang menurut perintah,

**(ROZAINUM BINTI AHMAD)**
Pengarah
Bahagian Kokurikulum dan Kesenian
b.p. Ketua Setiausaha
Kementerian Pendidikan Malaysia.

s.k. 1. Timbalan Ketua Pengarah Pelajaran Malaysia (Sektor Operasi Pendidikan)
2. Pengarah Jabatan Pendidikan Negeri

(18)

# MTE 2019
Malaysia Technology Expo
The 18th International Expo on Inventions and Innovations
21 - 23 February 2019 • Putra World Trade Centre

*Concurrent Event*
Invention & Innovation Awards
Malaysia International Design Awards
Asian Youth Innovation Awards
STEM Awards
STEM Festival

Rujukan kami : PECSB/MTE19/11897/18/MAY
Tarikh : 12hb Jun 2018

Jabatan Pendidikan Negeri (JPN Perak)
Jalan Tun Abdul Razak, 30640 Ipoh,
Perak

JABATAN PENDIDIKAN PERAK DITERIMA 27 JUN 2018 Sektor Pembangunan Kemanusiaan
JABATAN PENDIDIKAN PERAK DITERIMA 27 JUN 2018 UNIT KOKURIKULUM

**U/P : PENGARAH JABATAN**

Tuan/Puan,

**JEMPUTAN KEPADA SEMUA SEKOLAH-SEKOLAH DI BAWAH SELIAAN JABATAN PENDIDIKAN NEGERI BAGI MENYERTAI ANUGERAH REKACIPTA DAN INOVASI BELIA ASIA DI EKSPO TEKNOLOGI MALAYSIA 2019, 21 – 23 FEBRUARI 2019, DI PUSAT DAGANGAN DUNIA PUTRA, KUALA LUMPUR**

Dengan segala hormatnya, sukacita saya menarik perhatian tuan mengenai perkara yang tersebut di atas.

2. Untuk makluman tuan/puan, *Malaysian Association of Research Scientists* (MARS) dan PROTEMP Exhibitions dan Conferences Sdn Bhd sekali lagi mengambil inisiatif untuk mempromosikan kekayaan minda dan daya kreatif khususnya dari kalangan rakyat Malaysia dengan penganjuran Ekspo Teknologi Malaysia (MTE) 2019 kali ke-18 pada 21 – 23 Februari 2019 di Pusat Dagangan Dunia Putra, Kuala Lumpur. MTE 2019 juga disokong oleh Kementerian Pendidikan Malaysia.

3. Sebagai makluman tuan, MTE 2019 akan memberi fokus kepada pameran produk rekacipta dan inovasi serta produk penyelidikan yang terkini, dari dalam dan luar negara, yang dihasilkan dari institusi pengajian tinggi, institusi penyelidikan, syarikat swasta, sekolah-sekolah dan juga orang perseorangan dari kalangan akar umbi. MTE 2018 yang telah dianjurkan dalam bulan Februari tahun ini telahpun berjaya mempamerkan sebanyak 500 produk inovasi.

4. Sehubungan itu, dengan adanya acara yang akan berlangsung bersama iaitu **Anugerah Reka Cipta dan Inovasi 2019** dan **Anugerah Rekabentuk Antarabangsa Malaysia 2019**, pihak penganjur akan menyampaikan anugerah tersebut dalam bentuk medal, sijil serta wang tunai kepada pemenang yang berjaya menghasilkan produk kreatif dan inovatif serta mempunyai nilai komersil dan membantu dalam mencapai kelestarian kehidupan. Panel hakim adalah terdiri daripada pakar-pakar dalam pelbagai sektor yang diberi kepercayaan dalam menentukan pemenang anugerah tersebut.

PENGARAH PENDIDIKAN NEGERI PERAK DITERIMA 22 JUN 2018 PEJABAT

*Organised By:* protemp

*In Collaboration With:* MARS, NATIONAL STEM MOVEMENT, macri

*Supported By:* IFIA, THE INSTITUTION for Science Advancement

*Exhibition Secretariat*
**PROTEMP Exhibitions and Conferences Sdn. Bhd.** (Co Regn No 492079-W)
(formerly known as PROTEMP Conferences Sdn. Bhd.)
38-3, (2nd Floor) Jalan PJU 5/9, Dataran Sunway, Kota Damansara, 47810 Petaling Jaya, Selangor Darul Ehsan, Malaysia.
Tel: (603) 6140 6666 • Fax: (603) 6140 8833 • Email: info@protempgroup.com • Website: www.protempgroup.com

5. Sempena Ekspo Teknologi Malaysia (MTE) 2019, pihak kami memohon jasa baik tuan untuk memanjangkan jemputan ini kepada **semua sekolah-sekolah di bawah seliaan Jabatan Pendidikan Negeri** untuk menyertai pertandingan rekacipta dan inovasi dalam Anugerah Inovasi Belia Asia di Ekspo Teknologi Malaysia (MTE) 2019, sebagai sebuah organisasi pendidikan yang turut serta memberi sokongan dalam usaha menjayakan MTE 2019. Pihak kami yakin dengan penyertaan dari pelajar-pelajar dalam pameran ini dipercayai akan menggalakkan lebih ramai lagi dikalangan penyelidik dan saintis tempatan menyertai Ekspo Teknologi Malaysia. Semua penyertaan akan dikenakan bayaran yang perlu dibiayai sendiri oleh pihak PPD atau pihak sekolah.

Penganjuran kali ke-6 ***Asian Youth Innovation Awards and Expo 2019*** yang telah diperkenalkan sejak tahun 2014 bagi membuka peluang kepada saintis-saintis muda dengan mempamerkan produk-produk inovasi dan rekacipta terkini dalam industri teknologi dan sains. Anugerah ini dibahagikan kepada 2 kategori seperti berikut:

- Kategori Belia – Terbuka kepada pelajar berumur 18 hingga 25 tahun
- Kategori Junior – Terbuka kepada pelajar berumur 17 tahun dan ke bawah

6. Sekiranya pegawai-pegawai tuan memerlukan sebarang maklumat lanjut, mereka dijemput untuk menghubungi Cik Noran Zamri, di talian (03) 6140 6666, e-mel: noran@protempgroup.com atau layari laman web rasmi MTE 2019 di www.mte.org.my

Sekian, terima kasih.

Yang benar,
**PROTEMP Exhibitions and Conferences Sdn Bhd**
**(Sekretariat MTE 2019)**

**RONALD WF CHIEW**
Pengerusi Bersama

KEMENTERIAN PENDIDIKAN MALAYSIA
Bahagian Kokurikulum dan Kesenian
Aras 3, Blok E9, Kompleks E
Pusat Pentadbiran Kerajaan Persekutuan
62604 PUTRAJAYA

Tel. :03 88721610
Faks :03 88721608
Laman Web :www.moe.gov.my

Rujukan Kami : KPM.600-14/1/20 JLD 20 ( 90 )
Tarikh : 8 Mei 2018
22 Syaaban 1439 H

Encik Ronald Chiew
Pengerusi Bersama
Malaysia Technology Expo 2019
Protemp Exhibitions and Conferences Sdn. Bhd.
38-3, (2nd Floor) Jalan PJU 5/9, Dataran Sunway
Kota Damansara
47810 Petaling Jaya, Selangor.

Tuan,

**PENGIKTIRAFAN ANUGERAH INOVASI BELIA ASIA 2018**

Dengan hormatnya perkara di atas dirujuk.

2. Sukacita dimaklumkan bahawa Bahagian Kokurikulum dan Kesenian (BKK) Kementerian Pendidikan Malaysia (KPM) telah meneliti permohonan dan laporan pihak puan berhubung pengiktirafan markah PAJSK bagi penglibatan murid dalam Anugerah Inovasi Belia Asia 2018. Program ini bertujuan untuk memajukan pengetahuan saintifik dan kesedaran teknologi serta inovasi dalam kalangan murid.

3. Program berkenaan telah melibatkan murid sekolah menengah di Malaysia dan juga penyertaan daripada negara-negara Asia. Sehubungan dengan itu, Bahagian ini mengesahkan pengiktirafan markah kokurikulum peringkat antarabangsa bagi Program Anugerah Inovasi Belia Asia 2018.

Sekian.

**"SEHATI SEJIWA"**
**"BERKHIDMAT UNTUK NEGARA"**
**"PERPADUAN MELALUI KOKURIKULUM"**

Saya yang menurut perintah,

(ROZA[illegible]M BINTI AHMAD)
Pe[illegible]
Baha[illegible] Kokurikulum Dan Kesenian
Keme[illegible]an Pendidikan Malaysia

s.k.: [illegible] Timbalan Ketua Pengarah Pelajaran Malaysia (Operasi Pendidikan)
[illegible] Pengarah Jabatan Pendidikan Negeri

**KERTAS MINIT PENERIMAAN SURAT/EMEL**
**PEJABAT PENDIDIKAN DAERAH HILIR PERAK**

| | Tindakan | Tarikh | T.Tangan | | |
|---|---|---|---|---|---|
| | PPD | | | SEGERA | |
| | TIMB. PPD | 13/7 | [signature] | TINDAKAN | ✓ |
| | PPPD (M) | | | MAKLUMAN | |
| | PPPD (PA) | | | EDARAN DALAMAN | |
| | PPPD (HEM) | | | BINCANG | |
| | PPPD (PP) | | | KEMBALIKAN | |
| | PPPD (P.Islam) | | | | |
| | PPPD ( R ) | | | | |
| | PPPD (Peperiksaan) | | | | |
| | PPPD (Perhubungan) | | | | |
| ✓ | PPPD (P.Kualiti) | | | | |
| | PPPD (ICT) | | | | |
| | Pegawai Eksekutif | | | | |
| | P.Akauntan | | | | |
| | P.Kaunselor | | | | |

Sebarkan maklumat kepada sekolah-sekolah daerah HP

[signature]